




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 326 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 28,771 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan di Daerah Lahad Datu. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 459 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 25,567 orang. Sejumlah 2,214 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 638 orang di hospital dan 1,576 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Tiada kluster baharu dilaporkan pada hari ini.
- 5 Daripada 326 kes positif COVID-19 hari ini, 153 kes (46.93%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 101 kes (30.98%) daripada saringan kluster sedia ada, saringan bergejala 28 kes (8.59%), saringan komuniti 17 kes (5.21%) dan 27 kes (8.28%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 6,156 unit menjadikan jumlah keseluruhan 7,163 unit. Terdapat penambahan unit katil hari ini di PKRC Seri Bayu Kota Belud berjumlah 59 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 30.91%.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT TAHANAN SEMENTARA (PTS) SIBUGA, SANDAKAN

- 1 Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan KKM, sidang khas MKN hari ini bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Sibuga, Sandakan bermula 2 Disember 2020 sehingga 15 Disember 2020.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 324 saringan dan telah merekodkan 104 kes kumulatif positif COVID-19 yang melibatkan tahanan dan anggota PTS Sibuga.
- 3 Pelaksanaan PKPD ini melibatkan seramai 1,209 individu yang terdiri daripada 1,104 tahanan dan 105 anggota. Ini bagi membolehkan KKM melaksanakan ujian bersasar bagi semua tahanan dan anggota PTS.
- 4 SOP PKPD ini sama seperti SOP PKPD di lokaliti-lokaliti lain sebelum ini.

C. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. DESA BAJAU DAN KG. DASAR BARU, LAHAD DATU

- 1 Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan KKM, sidang khas MKN hari ini bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Desa Bajau dan Kg. Dasar Baru, Lahad Datu bermula 2 Disember 2020 sehingga 15 Disember 2020.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 665 saringan dan telah merekodkan 90 kes kumulatif positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti ini.

- 3 Pelaksanaan PKPD ini melibatkan 914 buah rumah dengan jumlah 4,934 orang penduduk.
- 4 SOP PKPD di kedua-dua lokaliti ini adalah sama seperti lokaliti lain iaitu tiada aktiviti sosial dan ekonomi dibenarkan kecuali operasi kedai runcit bermula dari 6.00 pagi hingga 6.00 petang dan pasar awam dibuka dua (2) kali seminggu.

D. KEBENARAN AKTIVITI MENYELAM DALAM SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) NEGERI SABAH

- 1 Sidang Khas MKN telah bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri membenarkan aktiviti menyelam di Negeri Sabah.
- 2 Justifikasi cadangan ini adalah kerana aktiviti menyelam (*scuba diving*) dikategorikan sebagai aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak bersentuhan fizikal.
- 3 Aktiviti menyelam ini boleh dilaksanakan dengan syarat bot yang membawa penyelam ke lokasi selaman tidak melebihi 30% daripada muatan bot bagi memastikan ada penjarakan fizikal.
- 4 SOP khusus bagi aktiviti menyelam akan dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah.

E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **257,697** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

F. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 69 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 44,030 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 155 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 61 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 39 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 15 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) premis di empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Beluran, Semporna dan Tawau.

4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 101 lokasi di 13 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

G. BANTUAN LOGISTIK

1. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 170 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

H. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.88%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kota Kinabalu	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Semporna	97%
19	Ranau	96%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
30 November 2020**